Objektif utama pembangunan bahan e-kandungan ini adalah bertujuan untuk meluaskan akses pendidikan dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran antara pensyarah dan pelajar di samping memupuk pembelajaran yang lebih interaktif di kalangan pelajar UiTM. Kursus yang dipilih untuk dibangunkan adalah terbuka daripada mana-mana kursus dalam program akademik sedia ada dan kursus-kursus yang bersesuaian.

3.1. KRITERIA PROJEK

OER merupakan projek pembangunan bahan e-kandungan oleh SME secara sendiri tanpa melibatkan pembangun multimedia daripada pihak luar (vendor), MD atau Unit Pembangunan e-Kandungan daripada Pusati-Learn. SME perlu mempunyai kemahiran asas dalam bidang reka bentuk pengajaran dan perisian yang diperlukan untuk pembangunan bahan e-kandungan. SME digalakkan untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran perisian yang berkaitan dengan pembangunan bahan e-kandungan agar bahan yang dibangunkan berkualiti tinggi.

3.1.1 Jenis Kursus

SME boleh memilih mana-mana kursus yang ingin dibangunkan tanpa perlu membuat semakan, pendaftaran dan mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pihak. Pendaftaran dan serahan bahan e-kandungan kepada Unit Pembangunan bahan e-Kandungan Pusat i-Learn dibuat selepas semua proses pembangunan bahan e-kandungan selesai.

3.1.2 Lantikan dan Tempoh Pembangunan

Tiada lantikan rasmi bagi SME yang membangunkan bahan e-kandungan. Tiada had tempoh juga ditetapkan bagi melengkapkan pembangunan.

3.1.3 Bilangan Ahli

Ahli kumpulan boleh terdiri daripada 1-2 orang SME dari kampus yang sama atau dari kampus yang berlainan. Hasil e-kandungan yang dibangunkan akan didaftarkan di kampus di mana ketua kumpulan bertugas.

3.1.4 Status Rujukan

Bahan e-kandungan yang dihasilkan adalah terbuka kepada semua. Ia akan menjadi bahan rujukan tambahan dalam seksyen OER dalam Portal i-Learn. Ia boleh diakses di <http://i-learn.uitm.edu.my/OERApp/>.

3.1.5 Kandungan Kursus

SME boleh memilih untuk membangunkan e-kandungan yang melibatkan satu bab / topik / sub-topik / objek pembelajaran atau lebih mengikut pilihan pensyarah itu sendiri.

3.1.6 Kesetaraan Jam Syarahan dan Pembiayaan

Tiada pengurangan kesetaraan jam syarahan dan pembiayaan diberikan kepada SME untuk membangunkan bahan Open Educational Resources.

3.1.7 Pemilihan Perisian

SME dibenarkan untuk memilih perisian yang difikirkan sesuai untuk digunakan bagi membangunkan bahan e-kandungan. SME digalakkan untuk mengikuti kursus-kursus pembangunan bahan bagi menyediakan bahan yang lebih berkualiti.

3.1.8 Papan Cerita

Pembangunan papan cerita tidak diwajibkan bagi pembangunan secara OER ini. Walaubagaimanapun, SME digalakkan untuk membangunkan papan cerita untuk rujukan sendiri.

3.1.9 Status Penerbitan

Secara umumnya, bahan e-kandungan yang menepati kriteria yang ditetapkan layak diiktiraf sebagai satu penerbitan setara dengan penulisan e-journal. Semua SME yang mendaftar dan tamat proses pembangunan e-kandungan akan menerima sijil penghargaan.

Sekiranya SME membangunkan satu bab / topik / sub-topik / objek pembelajaran lengkap dan memenuhi kriteria seperti pembangunan CW, SME boleh memohon untuk status penerbitan bab dalam buku. e-kandungan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan melalui proses penilaian kandungan, bahasa dan multimedia. Keputusan untuk kesetaraan bergantung kepada hasil keputusan JK Penilaian e-Kandungan yang dilantik.

3.1.10 Komponen Pembangunan

SME bebas membangunkan bahan mengikut kemahiran dan kursus masing-masing tetapi digalakkan agar ianya mengandungi komponen-komponen berikut:

a. Tajuk Utama

Tajuk e-kandungan bergantung kepada kandungan kursus yang dibangunkan. Ia mungkin tajuk kursus / tajuk bab tertentu / tajuk topik tertentu. Tajuk kursus juga boleh bersifat lebih umum dan tidak semestinya sama dengan nama kursus seperti yang tercatat di dalam silibus kursus.

b. **Pengenalan Kursus**

Pengenalan kursus adalah diskripsi kursus yang akan dibangunkan. Diskripsi kursus bergantung kepada kandungan yang dibangunkan. Ia mungkin diskripsi sebuah kursus / bab tertentu / topik tertentu. Diskripsi kursus juga boleh bersifat lebih umum dan tidak semestinya sama dengan diskripsi kursus seperti yang tercatat di dalam silibus kursus.

c. **Hasil Pembelajaran Kursus / Topik / Sub-topik / Objek Pembelajaran**

Hasil pembelajaran sesebuah kursus / topik / sub-topik / objek pembelajaran merupakan pernyataan tentang hasil yang diperolehi samada dalam bentuk pengetahuan, kemahiran atau perubahan sikap melalui pembelajaran yang diikuti. Dengan itu, pelajar yang mengikuti kursus dapat menjangkakan apa yang akan diperolehi sepanjang dan di penghujung proses pembelajaran. Hasil pembelajaran ini juga dijadikan panduan bagi menyediakan aktiviti dan item penilaian.

d. **Bahan Pembelajaran**

Bahan pembelajaran merupakan kandungan kursus yang ingin disampaikan. Kandungan kursus ini disusun berdasarkan keperluan silabus kursus, atau mengikut turutan lain yang dirasakan perlu seperti dari umum ke spesifik atau dari tahap kesukaran yang rendah kepada yang tinggi. Kandungan kursus ini adalah di dalam bentuk teks, video pendek, slaid, pdf dan imej mengikut kesesuaian. Beberapa video berdurasi antara 1.0 -3.0 minit diperlukan sekiranya kandungan yang hendak disampaikan agak panjang. Conton-contoh berkaitan perlu disediakan bagi membantu pelajar memahami dan mengingat bahan yang disampaikan. Keperluan minima kursus yang dicadangkan adalah sebanyak 80%. Pembahagian topik sepanjang tempoh kursus berlangsung bergantung kepada kandungan kursus masing-masing dan tidak ditetapkan untuk 14 minggu.

e. **Aktiviti Pembelajaran**

Aktiviti pembelajaran bertujuan untuk pelajar menunjukkan apa yang telah dipelajari dan aktiviti ini boleh dijalankan dalam pelbagai bentuk yang bersesuaian dengan kursus dan objektif yang hendak dicapai. Antara aktiviti yang boleh dijalankan adalah forum, kuiz pendek, portfolio, perbincangan dan perkongsian hasil kumpulan /individu.

f. **Item Penilaian**

Item penilaian perlu dilaraskan dengan hasil pembelajaran kursus. Item penilaian ini digunakan untuk menilai samada pelajar berjaya mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan. Item penilaian boleh dibuat di penghujung kursus (summative assessment). Bentuk item penilaian adalah terbuka samada secara objektif ataupun subjektif.

g. **Pautan kepada bahan pembelajaran berkaitan**

Pautan atau links kepada bahan pembelajaran lain yang berkaitan dengan kursus membolehkan pelajar mendapatkan maklumat berkaitan dengan kursus dari sudut yang berbeza. Bahan yang akan dicapai oleh pelajar melalui pautan ini perlu terlebih dahulu disemak oleh pembangun e-kandungan bagi memastikan kesesuaian dan kesahihan maklumat.

3.1.11 Format Pembangunan Bahan e-Kandungan

Kandungan boleh disediakan dalam bentuk pautan kepada video repositori lain seperti YouTube, Vimeo dan platform lain, dengan mengambil kira hak cipta. SME perlu memastikan kandungan kursus bebas dari isu hak milik dan hak cipta. SME perlu mendapatkan kebenaran dari pemilik asal sekiranya ingin menggunakan bahan tersebut. Kandungan dalam format lain seperti ppt, doc, pdf, swf, jpeg, MP3, MP4 boleh juga disediakan untuk memperkukuhkan lagi kandungan topik. Pautan ke laman web lain juga digalakkan untuk membolehkan pelajar memperoleh bahan kandungan yang sama tetapi dalam perspektif yang berbeza.

3.2. PROSES PEMBANGUNAN

Aliran pembangunan OER adalah tidak linear dan tertakluk kepada keperluan pembangunan e-kandungan oleh SME. Setiap pembangunan boleh menggunakan elemen multimedia atau perisian yang bersesuaian. SME perlu memastikan kandungan e-kandungan setara dengan hasil pembelajaran dan persembahan bahan pembelajaran yang menyokong kepada pembelajaran aktif. SME boleh merujuk Rajah 5 Carta Alir Proses Pembangunan e-Kandungan (Pakej Kerjasama Individu & Pakej Kendiri) sebagai panduan pembangunan OER.

BAB 4

PEMBANGUNAN PERISIAN KURSUS/COURSEWARE (CW)

Perisian Kursus/Courseware (CW) merujuk kepada bahan e-kandungan yang merangkumi keseluruhan topik dalam sesebuah kursus. CW membantu pelajar dan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam bab ini, terdapat 3 perkara yang akan dibincangkan secara mendalam iaitu keperluan projek, proses pembangunan CW dan rekabentuk pembangunan CW.

4.1. KRITERIA PROJEK

SME boleh memilih untuk membangunkan e-kandungan melalui projek PIU, PKS atau PK dengan menggunakan pakej yang bersesuaian. Projek-projek ini memerlukan SME untuk mematuhi kriteria pembangunan yang ditetapkan.

4.1.1. Projek Inisiatif Universiti (PIU)

PIU merupakan pembangunan CW melalui Pakej SP. Ia melibatkan pelantikan vendor untuk membangunkan e-kandungan. Berikut adalah kriteria untuk projek ini:

- i. SME perlu terlebih dahulu menyemak status kursus yang ingin dibangunkan. Hanya kursus yang belum pernah dibangunkan ke dalam bentuk multimedia melalui Pakej SP sahaja yang boleh didaftarkan.
- ii. SME akan menerima lantikan rasmi sebagai SME.
- iii. Bilangan SME untuk CW adalah di antara 1-4 orang sahaja.
- iv. SME perlu menyediakan papan cerita dalam bentuk slaid asas tanpa animasi menggunakan perisian Microsoft PowerPoint. Slaid ini mengandungi arahan kepada vendor dan juga teks untuk suara latar.
- v. Kursus yang dibangunkan dianggap sebagai Rujukan Piawai Universiti. Kandungan kursus yang dibangunkan perlu memenuhi sekurang-kurangnya 80% daripada kandungan kursus asal.
- vi. Tempoh pembelajaran untuk CW juga perlu mencapai sekurang-kurangnya 120 jam (berdasarkan kiraan 40 jam notional bersamaan dengan 1 kredit).
- vii. Pembangunan CW tidak diberi kesetaraan jam syarahan (KJS) tetapi diambilkira sebagai sumbangan kepada universiti (K3). Walaubagaimanapun, SME akan menerima insentif seperti yang dinyatakan dalam Bab 2.
- viii. CW yang dibangunkan juga layak dipertimbangkan sebagai satu penerbitan lengkap.

4.1.2. Projek Kerjasama (PK)

PK boleh dilaksanakan melalui dua (2) pakej: PKI dan PKK. Projek ini melibatkan pembangunan CW untuk satu kursus (PKI) dengan kerjasama Pusat i-Learn dan pembangunan beberapa kursus (PKK di fakulti/kampus) yang melibatkan pelantikan MD untuk membangunkan e-kandungan. Berikut adalah kriteria untuk PK:

4.1.2.1. Projek Kerjasama Melalui Pakej PKI

- i. SME boleh memilih mana-mana kursus untuk dibangunkan tanpa perlu mendapatkan
- ii. pengesahan Dekan/Rektor kampus.
- iii. Tiada lantikan rasmi SME sebagai pembangun CW di awal proses pembangunan.
- iv. Bilangan SME untuk CW adalah di antara 1-4 orang sahaja.
- v. Pendaftaran CW dibuat setelah tamat pembangunan e-kandungan.
- vi. CW yang didaftarkan dianggap sebagai Rujukan Tambahan Universiti.
- vii. Kandungan kursus yang dibangunkan perlu memenuhi sekurang-kurangnya 80% daripada kandungan kursus asal.
- viii. Tempoh pembelajaran untuk CW juga perlu mencapai sekurang-kurangnya 120 jam (berdasarkan kiraan 40 jam notional bersamaan dengan 1 kredit).
- ix. SME akan menerima sijil setelah penyerahan bahan yang dibangunkan juga layak dipertimbangkan sebagai satu penerbitan lengkap.
- x. SME akan menerima sijil penghargaan setelah pendaftaran dan serahan produk dibuat.
- xi. SME akan menerima insentif selepas tamat proses penilaian bahan. (Sekiranya memenuhi semua kriteria pembangunan bahan.

4.1.2.2. Projek Kerjasama Melalui Pakej PKK

- i. SME boleh memilih mana-mana kursus untuk dibangunkan.
- ii. Bilangan SME untuk CW adalah di antara 1-4 orang sahaja.
- iii. SME perlu menyediakan papan cerita dalam bentuk slaid asas tanpa animasi menggunakan perisian Microsoft PowerPoint. Slaid ini mengandungi arahan kepada MD dan juga teks untuk suara latar.
- iv. Fakulti/Kampus perlu membuat pendaftaran rasmi untuk terlibat dalam projek ini.
- v. Lantikan rasmi SME dan MD sebagai pembangun CW oleh Pengarah Pusat i-Learn.
- vi. Kursus yang dibangunkan untuk CW dianggap sebagai Rujukan Tambahan Universiti.
- vii. Kandungan kursus yang dibangunkan perlu memenuhi sekurang-kurangnya 80% daripada kandungan kursus asal.
- viii. Tempoh pembelajaran untuk CW juga perlu mencapai sekurang-kurangnya 120 jam (berdasarkan kiraan 40 jam notional bersamaan dengan 1 kredit).
- ix. CW yang dibangunkan juga layak dipertimbangkan sebagai satu penerbitan lengkap.

4.1.2.3. Projek Kendiri Melalui Pakej SD

Projek Kendiri merupakan pembangunan CW tanpa melibatkan pihak i-Learn/ MD/ vendor untuk membangunkan e-kandungan. Berikut adalah kriteria untuk Projek Kendiri:

- i. SME boleh memilih mana-mana kursus untuk dibangunkan.
- ii. Tiada lantikan rasmi SME sebagai pembangun CW di awal proses pembangunan.
- iii. Bilangan SME untuk CW adalah di antara 1-4 orang sahaja.
- iv. Pendaftaran CW dibuat setelah tamat pembangunan e-kandungan.
- v. SME tidak perlu menyediakan papan cerita.
- vi. CW yang didaftarkan dianggap sebagai Rujukan Tambahan Universiti.

- vii. Kandungan kursus yang dibangunkan perlu memenuhi sekurang-kurangnya 80% daripada kandungan kursus asal.
- viii. Tempoh pembelajaran untuk CW juga perlu mencapai sekurang-kurangnya 120 jam (berdasarkan kiraan 40 jam notional bersamaan dengan 1 kredit).
- ix. CW yang dibangunkan juga layak dipertimbangkan sebagai satu penerbitan lengkap.

4.2. PROSES PEMBANGUNAN COURSEWARE

Secara amnya, proses pembangunan e-kandungan terbahagi kepada tiga (3) peringkat iaitu proses pra-pembangunan, proses pembangunan dan proses pasca pembangunan e-kandungan. Proses pembangunan tiga peringkat ini adalah untuk pembangunan di bawah Projek PIU. Pembangunan e-kandungan di bawah kategori Projek PKS dan PK hanya perlu melalui Proses Pembangunan dan Pasca Pembangunan e-Kandungan sahaja.

4.3. REKABENTUK PEMBANGUNAN

Setiap pembangunan CW diwajibkan mematuhi rekabentuk pembangunan yang ditetapkan. Rekabentuk ini juga digunakan semasa proses penilaian e-kandungan yang dibangunkan. Rekabentuk yang perlu diikuti oleh Pembangun e-kandungan adalah:

4.3.1 Slaid Maklumat Kursus CW

Bab ini mengandungi maklumat berikut:

- i. Tajuk dan Kod Kursus
- ii. Sinopsis Kursus
- iii. Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)
- iv. Senarai Tajuk Kursus
- v. Rujukan
- vi. Penghargaan
- vii. Biodata dan emel SME

4.3.2 Slaid Kandungan Kursus CW

Pembangunan slaid kandungan kursus CW perlu mematuhi Rekabentuk Pengajaran Instruksi Gagne (Lampiran 2).

Jumlah keseluruhan slaid bagi Projek Khas adalah lebih kurang 300 slaid. Jumlah bab/topik yang dibangunkan adalah dari 8-14 bab/topik bergantung kepada jumlah bab/topik yang ada. SME perlu menyesuaikan kandungan kursus di sekitar 300 slaid. Soalan-soalan untuk kuiz tidak termasuk dalam kiraan jumlah slaid. Cadangan pembahagian slaid secara amnya adalah seperti di Jadual 3. * Rujuk Lampiran 7 untuk contoh papancerita kursus/*storyboard*.

Jadual 3: Slaid Kandungan CW

No. Slaid	Kandungan Slaid
Slaid 1	Tajuk Kursus dan Nama Pakar Rujuk Kursus
Slaid 2	Hasil Pembelajaran Topik (HPT)
Slaid 3	Pengenalan Kursus / Gain Attention
Slaid 4-29	Kandungan Kursus, Contoh-Contoh
Slaid 30	Penutup

*

4.3.3 Kuiz

Kuiz merujuk kepada latihan ulangkaji yang akan dilakukan oleh pelajar. Ia perlu diwujudkan bagi membantu para pengguna e-kandungan mengulangkaji pelajaran yang telah diikuti sebelum itu. SME perlu membangunkan sekurang-kurangnya 5 soalan kuiz bagi menguji sama ada pelajar mencapai HPT dan HPK yang ditetapkan setelah mengikuti e-kandungan yang dibangunkan. SME boleh memilih mana-mana bentuk kuiz untuk menguji pelajar. Bentuk-bentuk kuiz yang boleh digunakan adalah Multiple Choice Question (MCQ), True/False, (Fill in the Blanks), Hot Spots, Sequencing dan Matching.

BAB 5

PEMBANGUNAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC)

Massive Open Online Course (MOOC) adalah kursus yang ditawarkan secara atas talian kepada sesiapa yang berminat untuk mengikuti kursus tersebut. MOOC ditawarkan secara percuma dan pendaftaran kursus biasanya dibuka sepanjang tahun. MOOC membolehkan pelajar memilih apa yang hendak dipelajari, bila dan di mana. Pendekatan MOOC secara *collaborative learning* juga menggalakkan pelajar berinteraksi dengan lebih aktif dengan pelajar-pelajar lain.

Bab ini perlu dibaca bersama dengan garis panduan berikut:

- i. Guidelines for development and delivery of Malaysia MOOC (MOE, 2016a)
- ii. Guidelines on credit transfer for MOOCs. (MOE, 2016b)
- iii. Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) (MQA, 2009)

5.1. KRITERIA PROJEK

Pembangunan MOOC boleh dilaksanakan melalui Projek PIU, PK dan SD. Pembangunan MOOC memerlukan SME untuk mematuhi kriteria pembangunan yang ditetapkan.

5.1.1 Jenis Kursus

SME yang memilih untuk membangunkan MOOC melalui Pakej SP perlu terlebih dahulu menyemak status kursus yang ingin dibangunkan. Hanya kursus yang belum pernah dibangunkan ke dalam bentuk multimedia melalui Pakej SP sahaja yang boleh didaftarkan.

Manakala untuk pembangunan MOOC melalui Pakej PKI, PKK dan SD SME boleh memilih mana-mana kursus yang ingin dibangunkan tanpa perlu mendapatkan pengesahan dari Dekan / Rektor Kampus / Pensyarah Sumber. Pendaftaran dan serahan e-kandungan kepada Unit Pembangunan e-Kandungan dibuat selepas semua proses pembangunan e-kandungan tamat.

5.1.2 Lantikan

Pensyarah yang memilih Pakej SP akan menerima lantikan rasmi sebagai SME. Tiada lantikan dibuat bagi pensyarah yang memilih untuk membangunkan MOOC melalui Pakej PKI, PKK dan SD. Walaubagaimanapun, MOOC yang dihasilkan melalui Pakej PKI, PKK dan SD boleh didaftarkan sekiranya memenuhi kriteria yang ditetapkan.

5.1.3 Bilangan Ahli

Bilangan SME untuk MOOC adalah di antara 1-4 orang sahaja.

5.1.4 Status Rujukan

Kursus yang dibangunkan untuk MOOC melalui Pakej SP dianggap sebagai Rujukan Standard Universiti manakala MOOC yang dibangunkan melalui Pakej PKI, PKK dan SD dianggap sebagai Rujukan Tambahan.

5.1.5 Kandungan dan Tempoh Kursus

Kandungan kursus dan HPK yang dibangunkan perlu memenuhi sekurang-kurangnya memenuhi 80% daripada kandungan kursus asal. Tempoh jam pembelajaran pelajar (SLT) untuk pembelajaran menerusi MOOC perlu dikira berdasarkan ketetapan MQA (berdasarkan kiraan 40 jam notional bersamaan dengan 1 kredit). Secara purata, sesuatu MOOC perlu mengandungi sekurang-kurangnya 2 HPK, 1-3 jam kredit dan dikendalikan dalam tempoh 7-14 minggu.

5.1.6 Kesetaraan Jam Syarahan

Pembangunan MOOC tidak diberi kesetaraan jam syarahan (KJS) tetapi diambilkira sebagai sumbangan kepada universiti (K3). Walaubagaimanapun, sekiranya MOOC dibangunkan melalui Pakej SP, SME akan menerima insentif. Bagi SME yang membangunkan MOOC melalui Pakej PKI, PKK dan SD, insentif akan diberikan selepas proses penilaian e-kandungan untuk MOOC terbabit selesai.

5.1.7 Pemilihan Platform

Platform OpenLearning.com merupakan platform rasmi MOOC UiTM. Walaubagaimanapun, SME berhak memilih MOOC platform yang lain untuk pembelajaran.


5.1.8 Papan Cerita / Storyboard

Papan Cerita untuk pembangunan MOOC diwajibkan sekiranya SME memilih untuk membangunkan bahan melalui Pakej SP. Pembangunan papan cerita untuk pembangunan e-kandungan untuk MOOC melalui Pakej PKI, PKK dan SD adalah digalakkan.

5.2 PROSES PEMBANGUNAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC)

Pembangunan MOOC perlu berdasarkan reka bentuk yang ditetapkan. Pembangunan melibatkan kurikulum kursus, bahan kursus, bahan aktiviti, pentaksiran kursus, jaminan kualiti dan hak cipta. Terdapat beberapa amalan yang perlu diberi perhatian dalam proses pembangunan MOOC UiTM. Ini adalah untuk memastikan bahawa MOOC UiTM yang dibangunkan mematuhi kriteria dan garis panduan kualiti yang telah ditetapkan.

Setiap pembangunan MOOC perlu mengikut carta alir tertentu. Lazimnya, aliran pembangunan MOOC mengikut carta alir seperti di Rajah 6. Walau bagaimanapun, aliran tersebut tidak linear dan tertakluk kepada keperluan pembangunan MOOC.



Rajah 6: Carta Alir Pembangunan MOOC (MOE, 2016a)

5.3 REKABENTUK PEMBANGUNAN

Pembangunan MOOC memerlukan perancangan yang rapi. Reka bentuk dan pelaksanaan aktiviti yang dirancang merupakan antara faktor yang perlu dititikberatkan oleh pembangun.

MOOC membawa ketampakan UiTM ke peringkat global. Pelajar yang mendaftar MOOC pula adalah pelajar yang mempunyai latar belakang yang berbeza (umur, budaya, tahap akademik dan lain-lain). Justeru, reka bentuk yang bersesuaian adalah penting untuk pelajar melayari bahan pembelajaran dan belajar dengan berkesan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus.

Secara amnya, struktur asas bagi setiap kursus di MOOC UiTM mempunyai dua bahagian utama iaitu Landing Page dan Laman Kandungan Kursus.

5.3.1 Landing Page

Landing Page merupakan paparan utama yang akan dilihat sebaik pendaftaran kursus selesai dibuat. Landing page kursus mengandungi maklumat-maklumat seperti paparan utama, tajuk dan diskripsi kursus dalam bentuk video promosi yang berdurasi tidak lebih dari 3 minit, sinopsis kursus, hasil pembelajaran kursus, silibus kursus, pengetahuan pra-syarat, format pengendalian kursus, maklumat dan afiliasi instruktur, tarikh mula dan tempoh kursus, soalan-soalan lazim (FAQ), ID pengguna, pengumuman, penafian, dan kata kunci.

5.3.2 Laman Kandungan Kursus

Laman kandungan kursus mempunyai bahagian-bahagian berikut:

i. **Topik**

Komponen yang membentuk topik utama, subtopic, objek pembelajaran.

ii. **Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)**

Pernyataan mengenai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu dicapai oleh pelajar melalui aktiviti pembelajaran.

iii. **Bahan Pembelajaran**

Bahan yang digunakan oleh pelajar untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Kandungan ini perlu disusun atur mengikut turutan pembelajaran.

70% bahan pembelajaran utama adalah dalam bentuk video. Video yang boleh digunakan adalah video asli/ dibangunkan sendiri atau video guna semula/ pautan daripada video sedia ada seperti YouTube, Vimeo dan lain-lain, dengan mengambil kira hak cipta.

Bahan pembelajaran boleh disediakan dalam format lain seperti kandungan interaktif, e-book, web meeting, permainan, bahan bacaan tambahan dan lain-lain. Pautan ke laman web lain juga digalakkan untuk membolehkan pelajar memperoleh bahan kandungan yang sama tetapi dalam perspektif yang berbeza. Kandungan dalam format lain seperti ppt, doc, pdf, swf boleh juga disediakan untuk memperkukuhkan lagi kandungan topik.

iv. **Aktiviti Pembelajaran**

Aktiviti pembelajaran ialah aktiviti yang dijalankan oleh pelajar bagi memperkukuh kefahaman, kemahiran dan nilai. Contoh aktiviti ialah perbincangan secara segerak (synchronous) dan tidak segerak (asynchronous). Aktiviti lain seperti forum, wiki, kuiz, kajian kes, penyelesaian masalah, penghasilan portfolio dan penggunaan aplikasi Web 2.0/ Web 3.0 yang lain boleh digunakan untuk pembelajaran.

v. **Pentaksiran dan Penggredan**

Pentaksiran ialah proses menilai pencapaian pelajar. Terdapat dua jenis penilaian iaitu penilaian formatif dan sumatif. Rubrik dan skema pemarkahan dan senarai semak digunakan untuk mentaksir tugas yang diberikan.

Penilaian formatif boleh diletakkan dalam video (bahan pembelajaran utama) atau secara berasingan. Ianya bertujuan untuk menilai pengetahuan dan kemahiran yang telah dicapai oleh pelajar berdasarkan Hasil Pembelajaran Topik (HPT) yang ditetapkan. Penilaian formatif boleh disediakan dalam pelbagai bentuk, contoh pengujian ialah kuiz (MCQ, fill in the blanks, drag and drop, matching, rearranging, sequencing dan lain-lain), tugas, jurnal refleksi, group wiki, sudut refleksi dan lain-lain.

Penilaian sumatif perlu disediakan bertujuan untuk menilai pengetahuan dan kemahiran yang telah dicapai oleh pelajar berdasarkan kepada HPK yang telah ditetapkan.

Mod pentaksiran boleh dibuat dalam bentuk bersemuka (proctored exam) atau secara atas talian sepenuhnya.

Lazimnya, tiada gred rasmi diberikan kepada pelajar. Hanya status “lulus” (memenuhi semua tugas/aktiviti yang diberikan) atau “gagal” (tidak melaksanakan dengan sepenuhnya tugas/aktiviti yang diberikan) akan diberikan kepada pelajar.

vi. **Bahan Rujukan Tambahan**

Bahan rujukan tambahan ialah bahan sampingan yang boleh digunakan oleh pelajar untuk memperoleh pengetahuan tambahan dalam perspektif yang berbeza. Bahan tambahan yang berkaitan dengan topik tersebut perlu disediakan untuk pelajar di akhir setiap topik. Lazimnya, bacaan tambahan ini adalah dalam bentuk pautan ke sumber atas talian yang berkaitan. Bahan-bahan ini boleh ditawarkan dalam pelbagai format seperti video, ppt, doc, pdf, html dan lain-lain. Bacaan tambahan perlulah sesuai untuk menyokong pencapaian hasil pembelajaran pelajar terhadap topik tersebut dan membantu dalam mencapai HPT.

vii. **Jaminan Kualiti MOOC**

Setiap MOOC adalah di bawah tanggungjawab SME yang membangunkan bahan tersebut dan/atau pensyarah yang dilantik oleh Fakulti untuk mengendalikan MOOC tersebut. Dengan itu, Fakulti perlu mewujudkan satu Jawatankuasa Jaminan Kualiti untuk setiap kursus yang dibangunkan.

Jaminan kualiti di peringkat fakulti akan menggunakan dokumen dan senarai semak seperti di Lampiran 8. Hanya MOOC yang melepasi proses ini boleh melalui proses pemindahan kredit.

Jadual 4: Contoh Rekabentuk Instruksi (MOE, 2016a)

Contoh Rekabentuk Instruksi untuk Topik 1		
Topik 1 Hasil Pembelajaran topik 1 untuk mencapai HPK: (Kemahiran berfikir aras tinggi yang mengandungi: • To create • To analyse....)		
Sub Topik 1	Aktiviti Sub-topik 1	Pentaksiran Sub Topik 1 (untuk mencapai HPK)
• Tajuk Sub Topik	• Video • Perbincangan • Tugas • Jurnal Reflektif • Wiki • dll	• MCQ • Kuiz interaktif • Peer Assessment • dll
Sub Topik 2	Aktiviti Sub-topik 2	Pentaksiran Sub Topik 2 (untuk mencapai HPK)
• Tajuk Sub Topik	• Video • Perbincangan • Tugas • Jurnal Reflektif • Wiki • dll	• MCQ • Kuiz interaktif • Peer Assessment • dll

5.4 PEMINDAHAN KREDIT

Proses pemindahan kredit bagi sesuatu kursus dalam program yang ditawarkan di UiTM perlu menepati kriteria yang ditetapkan oleh Garis Panduan Pemindahan Kredit MOOC yang ditetapkan oleh MQA. Setiap fakulti perlu mewujudkan jawatankuasa pemindahan kredit untuk menilai permohonan pemindahan kredit pelajar. Mana-mana pelajar yang ingin memohon pemindahan kredit untuk MOOC yang telah mereka ikuti, perlu memohon terus kepada fakulti masing-masing. Kelulusan pemindahan kredit kursus tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) / Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN).

5.4.1 Kriteria Pemindahan Kredit MOOC

Pemindahan kredit MOOC hanya boleh dipertimbangkan kepada kursus-kursus berikut:

Jadual 5: Lapan Aras Malaysian Qualification Framework (MQF) (MOE, 2016b)

Aras MQF	Ganjaran Kelayakan
Aras 8	Ijazah Kedoktoran (Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja)
Aras 7	Sarjana (Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja)
	Pasca Siswazah Diploma
	Pasca Siswazah Sijil
Aras 6	Ijazah
	Siswazah Diploma
	Siswazah Sijil
Aras 5	Advanced Diploma
Aras 4*	Diploma
Aras 3	Sijil

*Bagi program Executive Diploma pemindahan kredit MOOC tidak dibenarkan kerana 30 kredit telahpun diberikan bagi APEL (C).

5.4.2 Kelayakan Kursus bagi Pemindahan Kredit

Syarat berikut harus dipenuhi bagi pemindahan kredit:

- i. Pemindahan kredit untuk MOOC adalah terhad kepada kursus-kursus dalam program-program yang telah mendapat akreditasi sementara atau penuh daripada MQF serta kelulusan oleh Kementerian Pengajian Tinggi;
- ii. Pemindahan kredit untuk MOOC hanya diberikan untuk kursus tertentu yang dipohon. Ia tidak secara automatik terpakai kepada pra-syarat (jika ada) daripada kursus tersebut;
- iii. Fakulti bertanggungjawab untuk menentukan kursus yang layak untuk diberi pemindahan kredit. Walau bagaimanapun, pemindahan kredit tidak dibenarkan untuk latihan industri / praktikal / projek tahun akhir / disertasi / tesis;
- iv. Bagi kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat pascaijazah, pemindahan kredit hanya diguna pakai bagi program kerja kursus dan mod campuran;
- v. Kursus bagi program yang melibatkan akreditasi, pemindahan kredit tertakluk kepada kelulusan badan-badan professional;
- vi. Kredit yang dipindahkan hendaklah setara dengan nilai kredit bagi kursus yang dipohon;
- vii. Kursus-kursus yang telah diberikan pemindahan kredit tidak akan dikira dalam pengiraan PNG / PNGK. Walau bagaimanapun kredit untuk kursus-kursus ini akan menyumbang kepada keperluan pengijazahan program yang diikuti; dan
- viii. Pemindahan Kredit kursus boleh diberi berdasarkan kesetaraan HPK daripada MOOC tunggal atau gabungan beberapa MOOC.

5.4.3 Pemetaan Kandungan dan HPK

Proses pemindahan kredit melibatkan proses pemetaan, perbandingan dan penilaian kandungan dan HPK.

5.4.4 Had Pemindahan Kredit

Pemindahan kredit tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah kredit keseluruhan seperti yang telah dinyatakan dalam JKPT dan MQA. Had pemindahan kredit yang ditetapkan adalah seperti Jadual 6 (MOE, 2016b):

Jadual 6: Had Pemindahan Kredit (MOE, 2016b)

	ARAS MQF	KREDIT MINIMUM UNTUK BERGRADUAT	HAD PEMINDAHAN KREDIT MAKSIMUM
8	Kedoktoran (Program Kerja Kursus dan Mod Campuran)	Berdasarkan kredit yang diluluskan untuk komponen Program Kerja Kursus or 80	Berdasarkan 30% daripada kredit yang diluluskan untuk komponen Program Kerja Kursus or 24
7	Sarjana (Program Kerja Kursus dan Mod Campuran)	40	12
	Diploma Lulusan Ijazah	30	9
	Sijil Lulusan Ijazah	20	6
6	Ijazah	120	36
	Graduate Diploma	60+6 (MPU)	20
	Graduate Certificate	30 + 6 (MPU)	11
5	Diploma Lanjutan	40	12
4	Diploma	90	27
3	Sijil	60	18

* (MPU) Mata Pelajaran Pengajian Umum

Pemindahan kredit yang dibuat hanya untuk satu aras akademik sahaja dan tidak boleh dikira untuk mendapatkan pemindahan kredit di aras seterusnya. Sebagai contoh, sekiranya pemindahan kredit untuk Kursus A telah diberi di peringkat Diploma, pelajar tidak boleh memohon pemindahan kredit bagi kursus A di peringkat ijazah. Pelajar perlu membuat deklarasi bahawa mereka tidak pernah memohon mendapatkan pemindahan kredit untuk kursus yang dipohon.

5.4.5 Bukti Penyertaan dan Penamatan MOOC

Bagi membolehkan permohonan pemindahan kredit dipertimbangkan, pelajar perlu melampirkan bukti penyertaan MOOC yang diikuti. Ini adalah untuk memastikan bahawa pelajar yang mengikuti MOOC adalah pelajar yang sama memohon pemindahan kredit.

Pelajar perlu mendapatkan dokumen pengesahan dari organisasi yang menawarkan MOOC yang mengesahkan pelajar telah berjaya menamatkan kursus MOOC tersebut. Pengesahan ini boleh dibuat melalui salah satu daripada pendekatan berikut:

i. Onsite Proctoring

Pendekatan di mana pelajar perlu menduduki peperiksaan di pusat yang dikendalikan oleh organisasi yang menawarkan MOOC atau pihak ketiga yang dilantik.

ii. Online Proctoring

Peperiksaan ini juga boleh dibuat di lokasi pilihan pelajar dan pengesahan identiti pelajar dibuat dengan menggunakan perisian khas yang boleh membuat pengecaman dan pengesahan identiti pelajar.

iii. **Dokumen Pengesahan Lain**

Pelajar boleh mengemukakan mana-mana dokumen yang boleh membuktikan pelajar telah tamat mengikuti MOOC terlibat. Antara dokumen yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

- a. Sijil Tamat Kursus
- b. Sijil Pencapaian
- c. Penyataan Pencapaian
- d. Penyataan Penglibatan
- e. *Honor Code Certificate*

5.4.6 Pengesahan Hasil Pembelajaran

Pencapaian hasil pembelajaran pelajar perlu dinilai dalam MOOC yang diikuti. Dengan itu pihak fakulti perlu memastikan kesahan dan kebolehpercayaan penilaian yang dibangunkan sejajar dengan hasil pembelajaran kursus. Jenis-jenis penilaian yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

i. **Penilaian Berbentuk Lisan**

Penilaian berbentuk lisan boleh dilaksanakan secara berstruktur atau/dan dalam bentuk temuduga dan kedua-duanya boleh dilaksanakan sama ada secara bersemuka atau atas talian.

ii. **Penilaian Bertulis**

Penilaian bertulis secara *close/open book* boleh dilaksanakan secara *on-site/online* proctored.

iii. **Penilaian Produk**

Produk yang dihasilkan dari pembelajaran secara MOOC seperti perisian, lukisan, contoh hasil kerja, bahan yang diterbitkan dan portfolio boleh dijadikan bukti pembelajaran telah berlaku. Fakulti yang terlibat boleh mengesahkan kesahihan dan keaslian produk/artifak dengan cara menyoal selidik atau menghasilkan semula bahan tersebut.

vi. **Penilaian Pencapaian/Kemahiran**

Demonstrasi kemahiran yang diperolehi dari MOOC seperti persembahan, pembentangan, main peranan atau cara persembahan yang lain juga dianggap sebagai bukti pembelajaran.

Pihak fakulti berhak memilih mana-mana pendekatan yang sah dan boleh dipercayai. Dokumentasi bukti dan keputusan penilaian perlu direkodkan untuk tujuan audit dan penambahbaikan berterusan.

5.4.7 Kriteria Penganugerahan Kredit

Berikut adalah kriteria pemindahan kredit untuk MOOC:

i. **Pemetaan Kandungan Kursus**

Persamaan kursus sebanyak 80% antara kursus MOOC dan kursus yang terlibat dari segi deskripsi kursus/ hasil pembelajaran kursus, senarai topik / sub-topik dan jam pembelajaran pelajar.

- ii. Elemen sokongan lain yang boleh dimasukkan ke dalam portfolio untuk menyokong permohonan adalah seperti sijil-sijil berkaitan, penglibatan dalam aktiviti pengajaran, penilaian, badges, gred pencapaian dan sebagainya.

- iii. **Pengajar/ Fasilitator dan Afiliasi**

Setiap MOOC perlu memaparkan maklumat *instruktur* kursus yang terlibat dan instruktur kursus sebaik-baiknya terdiri daripada kakitangan akademik. Bukti penglibatan *instruktur* di sepanjang tempoh kursus juga perlu disertakan.

- vi. **Student Learning Time (Jam Pembelajaran Pelajar)**

Jumlah masa pembelajaran MOOC perlu jelas. Sebagai panduan, 40 jam notional adalah bersamaan dengan 1 unit kredit.

5.4.8 Proses Permohonan Pemindahan Kredit

Berikut adalah proses permohonan pemindahan kredit:

- i. **Permohonan**

Permohonan pemindahan kredit boleh dibuat semasa pendaftaran kemasukan atau di sepanjang tempoh pengajian (kecuali di semester akhir pengajian). Universiti berhak mengenakan yuran proses kepada calon yang memohon.

- ii. **Proses Penilaian Permohonan**

Fakulti perlu memastikan MOOC tersebut menepati kriteria minimum seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pemindahan Kredit MOOC (MOE, 2016b); atau ianya adalah sebahagian daripada program yang telah diakreditasi oleh MQA atau badan yang setaraf; dan persamaan kandungan MOOC atau kombinasi beberapa MOOC perlu menepati 80% daripada kursus yang ditawarkan di universiti.

- iii. **Pengesahan Identiti Calon**

Permohonan pemindahan kredit MOOC akan diproses serta merta sekiranya bukti pengesahan pendaftaran dan tamat MOOC oleh penawar MOOC dilampirkan (*Onsite and Online Proctoring*).


Sekiranya pelajar mengemukakan dokumen-dokumen lain untuk pengesahan, Fakulti hanya boleh memproses permohonan selepas penilaian hasil pembelajaran dibuat.

Sekiranya calon tidak dapat menyediakan dokumen yang telah disahkan, calon perlu mengemukakan sebarang bukti menunjukkan telah berlaku pendaftaran dan tamat MOOC.

- iv.

- Bukti Pembelajaran**

Sekiranya tiada bukti pengesahan secara *onsite/online proctoring*, Fakulti perlu menilai hasil pembelajaran yang diperolehi oleh calon. Sekiranya hasil pembelajaran menepati keperluan kursus, pemindahan kredit boleh dilaksanakan.



Rajah 7: Carta Alir Proses Pemindahan Kredit MOOC

BAB 6

PENILAIAN E-KANDUNGAN

Proses penilaian e-kandungan ini bertujuan untuk membantu SME menghasilkan e-kandungan kursus yang berkualiti dan menepati kriteria pembangunan yang ditetapkan serta memenuhi syarat kesetaraan satu penerbitan lengkap. Ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan mendapatkan hak cipta bagi e-kandungan yang dibangunkan.

6.1. KATEGORI PENILAIAN

Semua e-kandungan yang dibangunkan dalam kategori CW, OER dan MOOC perlu melalui tiga (3) proses penilaian sebelum diberikan kesetaraan dengan satu penerbitan / bab dalam buku. Hasil e-kandungan yang memenuhi syarat pembangunan yang ditetapkan sahaja layak dipertimbangkan untuk status satu penerbitan lengkap atau status hak cipta. Namun begitu, keputusan akhir tertakluk kepada cadangan dari Jawatankuasa Penilai yang telah dilantik.

6.2. PANEL PENILAI

Pemilihan panel penilai e-kandungan adalah berdasarkan kategori penilaian. Penilai yang dicalonkan perlu memenuhi kriteria seperti yang disenaraikan di bawah sebelum dilantik menjadi penilai e-kandungan. Hanya penilai yang memenuhi syarat sahaja akan menerima surat lantikan (rujuk Lampiran 9: Contoh Surat Lantikan Penilai). Setelah tamat proses penilaian, setiap penilai akan menerima Sijil Penghargaan (Lampiran 10: Contoh Sijil Penghargaan Penilai e-Kandungan). Berikut adalah kriteria pemilihan penilai mengikut kategori:

6.2.1. Penilai Kandungan Kursus

Penilai untuk kategori Penilaian Kandungan Kursus ini terdiri daripada Pensyarah Sumber atau pensyarah yang dicadangkan oleh fakulti yang menawarkan kursus tersebut. Penilai Kandungan Kursus perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. merupakan seorang Pensyarah Kanan di Fakulti,
- ii. mempunyai pengalaman mengajar kursus tersebut sekurang-kurangnya 6 semester,
- iii. mempunyai pengalaman menyediakan item penilaian untuk kursus tersebut, dan
- iv. mempunyai pengalaman sebagai penanda kertas ujian/peperiksaan akhir kursus tersebut.

6.2.2. Penilai Bahasa

Penilai untuk kategori Penilaian Bahasa adalah di dalam kalangan pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa dan Fakulti Pendidikan yang mempunyai kemahiran dalam bahasa pengantar yang digunakan dalam e-kandungan yang dinilai. Penilai Bahasa perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti,
- ii. mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana di dalam bidang yang berkaitan dengan bahasa pengantar yang digunakan dalam e-kandungan yang dinilai, dan
- iii. mempunyai pengalaman mengajar menggunakan bahasa pengantar yang digunakan dalam e-kandungan yang dinilai.

6.2.3. Penilai Multimedia

Penilai untuk kategori Penilaian Multimedia ini adalah dalam kalangan pensyarah yang mempunyai latar belakang dan kemahiran dalam bidang Rekabentuk Pengajaran (Instructional Design). Penilai Bahasa perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. merupakan seorang Pensyarah Kanan di Fakulti,
- ii. mempunyai Ijazah Sarjana / latihan / pengalaman di dalam bidang Rekabentuk Pengajaran, dan
- iii. berpengalaman membangunkan e-kandungan kursus.

6.3. KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

6.3.1. Penilaian Kandungan Kursus

Penilaian kandungan kursus adalah tertumpu kepada aspek yang berkaitan dengan pengenalan kursus, HPK, definisi dan konsep pembelajaran, teori dan model, aplikasi, perbincangan dan contoh-contoh berkaitan, aktiviti dan ulangkaji dan latihan dan kuiz. (Rujuk Lampiran 11: Borang Penilaian Kandungan Kursus)

6.3.2. Penilaian Bahasa

Penilaian bahasa adalah tertumpu kepada aspek penggunaan bahasa yang betul dan penyampaian yang mudah difahami. (Rujuk Lampiran 12: Borang Penilaian Bahasa)

6.3.3. Penilaian Multimedia

Penilaian multimedia adalah tertumpu kepada aspek penyampaian bahan pengajaran seperti arahan yang jelas, interaktiviti, paparan antara muka yang mesra pengguna (user-friendly interface), bahan yang menarik, penggunaan elemen multimedia yang bersesuaian dan kepelbagaian bentuk penilaian yang digunakan. (Rujuk Lampiran 13: Borang Penilaian Multimedia)

6.3.4. Semakan Plagiat

Semua e-kandungan yang dibangunkan perlu memperoleh indeks kesamaan (*Similarity Index*) tidak lebih daripada 24% untuk membolehkan e-kandungan tersebut mendapat pengiktirafan sebagai satu penerbitan dan juga status hak cipta. (Rujuk Lampiran 14: Contoh keputusan semakan plagiarism)

6.4. LAPORAN PENILAIAN KESELURUHAN

Laporan Penilaian Keseluruhan (rujuk Lampiran 15) akan menentukan e-kandungan kursus memenuhi syarat kualiti dan menepati kriteria pembangunan yang ditetapkan untuk memenuhi syarat kesetaraan satu penerbitan lengkap. Markah keseluruhan bagi penilaian kandungan kursus, bahasa dan multimedia akan digunakan untuk membuat keputusan sama ada e-kandungan tersebut:

- i. Diterima tanpa sebarang pindaan atau perlu dikemaskini oleh SME (*Accept as it is*)
- ii. Diterima dengan pindaan yang minima (*Accept with minor revisions*)
- iii. Dikembalikan kepada SME untuk dikemaskini dan melalui proses penilaian semula (*Return to SME for important modifications*)
- vi. Ditolak (*Reject*)

6.5. INSENTIF SEBAGAI PENILAI

Penilai yang dilantik akan menerima insentif berikut:

- i. Sijil Penghargaan
- ii. Bayaran honorarium

BAB 7

PENGIKTIRAFAN DAN HAK CIPTA

7.1 KESETARAAN PENERBITAN E-KANDUNGAN

e-Kandungan yang dibangunkan juga perlu memenuhi keperluan kategori-kategori berikut bagi melayakkan e-kandungan yang dibangunkan mendapat taraf kesetaraan dengan penerbitan. Kategori untuk kandungan kursus, aktiviti dan penilaian serta penggunaan elemen multimedia adalah seperti di jadual-jadual berikut:

Jadual 7: Kategori Kandungan Kursus

Kategori	Kandungan Kursus
1	Kandungan lengkap untuk satu (1) objek pembelajaran.
2	Kandungan lengkap untuk satu (1) sub-topik pembelajaran.
3	Kandungan lengkap untuk satu (1) topik pembelajaran.
4	Kandungan lengkap untuk satu (1) kursus.

Jadual 8: Kategori Aktiviti dan Penilaian

Kategori	Aktiviti & Penilaian
1	Tiada aktiviti dan penilaian.
2	Mengandungi aktiviti sahaja.
3	Mengandungi aktiviti dan penilaian.

Jadual 9: Kategori Penggunaan Elemen Multimedia

Kategori	Penggunaan Elemen Multimedia
1	Mengandungi teks dan grafik sahaja.
2	Mengandungi teks, grafik dan audio sahaja.
3	Mengandungi teks, grafik, audio, video dan animasi.
4	Mengandungi teks, grafik, audio, video, animasi dan interaktiviti.

Hanya e-kandungan sama ada dalam bentuk MOOC, CW atau OER yang menepati kategori yang ditetapkan sahaja akan diiktiraf sebagai setara dengan satu bentuk penerbitan sama ada sebagai satu penerbitan lengkap, satu bab dalam buku atau setara dengan e-jurnal. Markah kesetaraan pula adalah seperti di dalam Jadual 10.

Jadual 10: Kesetaraan Penerbitan untuk e-Kandungan & Markah Pembangun e-Kandungan

		Kategori		
Kesetaraan e-Kandungan	Kandungan Kursus	Aktiviti & Penilaian	Penggunaan Multimedia	Markah Kesetaraan*
Buku Teks Universiti/ Buku Rujukan Kepakaran	4	3	4	Ketua: 40 markah Ahli: 2/3 markah
Bab dalam buku	3	3	3/4	Ketua: 8 markah Ahli: 2/3 markah
e-Jurnal	1 / 2	2 / 3	3 / 4	Ketua: 5 markah Ahli: 2/3 markah

*Markah disetarakan dengan markah kretaria kenaikan pangkat UiTM.

Sumber: Pekeliling Akademik Bil. 9 Tahun 2013.

7.2 HAK CIPTA

e-Kandungan yang dibangunkan tertakluk kepada Akta Hak Cipta.

7.2.1 Hak cipta

Hak cipta adalah hak cipta terpelihara yang diberikan kepada pembangun e-kandungan untuk tempoh masa yang tertentu. Kerja-kerja asal pembangun dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia berada di mana-mana medium seperti di atas kertas, video, audio, cakera, memori komputer, CD-ROM, dan lain-lain. Apabila Pembangun membangunkan e-kandungan mengikut syarat-syarat hak cipta, mereka mempunyai hak ke atas kerja tersebut.

7.2.2 Pelindungan Hak cipta

Pemilik hak cipta mempunyai hak eksklusif tertentu:

- Pengeluaran semula sama ada dengan cara menyalin, emulasi, duplikasi, rakaman bunyi, program komputer, rakaman video atau bunyi dan video rakaman dari hasil asal, salinan atau penerbitan dalam bahagian bahan, dan bukan untuk menghasilkan kerja baru, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya.
- Adaptasi secara pengeluaran semula melalui penukaran, pembaikan, pindaan atau penyalinan bahagian bahan asal dan bukan untuk menghasilkan kerja baru, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya.
- Persembahan, penayangan kepada orang ramai.
- Komunikasi kepada orang ramai.
- Pengedaran salinan kepada orang awam melalui penjualan atau pemindahan hak milik.
- Menyewakan secara komersial kepada orang ramai.

7.2.3 Penggunaan Wajar (*Fair Use*) Hak cipta Dalam Pendidikan atas Talian

Undang-undang hak cipta membenarkan bahagian karya hak cipta untuk digunakan tanpa kebenaran penulis. Ini dirujuk sebagai “penggunaan wajar”. Biasanya, garis panduan penggunaan wajar perlu menyediakan pengecualian pelanggaran hak cipta, sekiranya menepati perkara-perkara berikut:

Penyelidikan kajian kerja, yang tiada keuntungan;

- i. Laporan peristiwa semasa melalui media massa, disertai dengan perakuan pemilikan hak cipta untuk karya tersebut;
- ii. Pengeluaran semula, adaptasi, pameran atau digunakan di bawah undang-undang sebagai prosiding kehakiman atau pentadbiran atau sebagai laporan bagi prosiding tersebut;
- iii. Pengeluaran semula, adaptasi, pameran atau digunakan oleh guru dalam pengajaran yang tidak melibatkan keuntungan;
- iv. Pengeluaran semula atau adaptasi sebahagian daripada kerja atau memendekkan atau membuat ringkasan oleh guru atau institusi pendidikan bagi tujuan pengedaran atau penjualan kepada pelajar di dalam kelas atau di institusi pendidikan dengan syarat tidak dilakukan untuk keuntungan;
- v. Penggunaan hasil kerja sebagai sebahagian daripada soalan peperiksaan dan jawapan.

Pada umumnya, kandungan di internet termasuk laman sesawang adalah hak cipta terpelihara. Menganggap kesemua bahan yang terdapat di laman sesawang adalah percuma adalah kesalahan biasa. Adalah jelas bahawa dokumen elektronik di laman sesawang dan format digital yang lain adalah lebih mudah untuk dihasilkan semula dan diedarkan dari media lain. Walau bagaimanapun, kemudahan pengeluaran semula dan pengedaran tidak mengubah status hak cipta. Untuk sebab-sebab ini, had penggunaan wajar media digital perlu lebih ketat daripada garis panduan penggunaan wajar untuk media lain.

7.2.4 Pelanggaran Hak cipta

Hak cipta suatu bahan dilanggar apabila seseorang bukan pemilik hak cipta tersebut, dan tanpa lesen daripada pemilik, melakukan atau membenarkan mana-mana perbuatan yang berikut:

- i. Mengeluarkan semula dalam apa-apa bentuk bahan, melaksanakan, menunjukkan atau menayangkan atau mengedarkan kepada orang ramai;
- ii. Komunikasi secara kabel atau penyiaran keseluruhan atau sebahagian daripada hasil kerja, sama ada dalam bentuk asal atau terbitan;
- iii. Mengimport ke Malaysia bagi tujuan keuntungan perdagangan atau kewangan;
- iv. Menjual atau menyewa sebarang salinan yang melanggar peraturan;
- v. Menjual, menyewa atau memperdagangkan atau menawarkan jualan atau sewaan sebarang hasil kerja yang melanggar peraturan;
- vi. Mengedar salinan yang melanggar peraturan;
- vii. Memiliki sebarang bahan yang melanggar peraturan yang digunakan selain untuk kegunaan persendirian dan domestik;
- viii. Melalui perdagangan, mempamerkan kepada awam apa-apa salinan yang melanggar peraturan hak cipta;
- ix. Mengimport salinan yang melanggar peraturan hak cipta ke Malaysia selain daripada untuk kegunaan sendiri dan domestik;
- x. Membuat atau memiliki apa-apa perekaan yang digunakan atau berniat untuk digunakan bagi membuat salinan langgaran; atau
- xi. Menyebabkan hasil kerja dipersembahkan kepada awam.

Semua lesen boleh digunakan dengan pemahaman bahawa:

i. **Pengecualian:**

Mana-mana syarat ini boleh diketepikan jika mendapat kebenaran daripada pemilik hak cipta.

ii. **Domain awam:**

Di mana kerja-kerja atau mana-mana unsur yang terdapat dalam domain awam di bawah undang-undang status yang tidak terjejas oleh lesen itu.

iii. **Hak-hak lain:**

Dengan apa cara mana-mana hak yang berikut terjejas oleh lesen:

- a. urusan adalah saksama atau hak penggunaan adil, atau lain-lain pengecualian hak cipta dan batasan.
- b. Hak moral pengarang.
- c. Hak orang lain yang mungkin ada dalam kerja-kerja itu sendiri atau dalam cara kerja-kerja yang digunakan, seperti umum atau hak privasi.

7.3 HAK INTELEK

Proses untuk mendapatkan hak intelek terhadap bahan e-kandungan yang telah dibangunkan akan dilakukan setelah bahan e-kandungan dinilai daripada segi kandungan kursus, multimedia, bahasa dan semakan plagiat.

Pakar rujuk kursus akan dikehendaki mengisi Borang IPR – RIBU/B3/2015/CR (Lampiran 16) yang boleh diperoleh daripada laman web RIBU, UiTM dan seterusnya mengepilkan bersama tiga lampiran berikut;

- i. Salinan kad pengenalan ketua kumpulan dan ahli.
- ii. Maklumat tentang bahan e-kandungan yang telah dibangunkan.
- iii. Satu salinan CD yang mengandungi bahan e-kandungan tersebut.


Borang yang telah lengkap diisi seterusnya akan dihantar ke pihak RIBU, UiTM dan sekiranya lengkap, permohonan akan dihantar kepada pihak *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO).

7.4 THE CREATIVE COMMONS LICENCE

The Creative Commons Licence merupakan salah satu daripada lesen hak cipta yang membolehkan bahan yang dilindungi hak cipta dapat diedarkan secara percuma. Ia digunakan sekiranya pemilik hak cipta itu ingin berkongsi menggunakannya dan menambah bahan tersebut.

Penggunaan bahan e-kandungan perlu mengikut lesen *Creative Commons*, seperti boleh dikongsi tanpa perubahan, boleh diubahsuai dan sebagainya. (Sila rujuk Rajah 9 di bawah).

Pensyarah/pelajar yang memuat turun bahan dan menggunakannya disaran memberi penghargaan kepada Pembangun asal berdasarkan lesen tersebut.



Rajah 9: Penggunaan bahan e-kandungan perlu mengikut lesen *Creative Commons* (Sumber: Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun (Blended Learning) Universiti Teknologi Mara)

GLOSARI

TERMA	DEFINISI
Bahan e-Kandungan	Sumber digital berupa aplikasi multimedia standard bagi satu-kursus dalam struktur kurikulum satu program pengajian sama ada di peringkat asasi, pra-diploma, diploma, sarjana muda dan pasca ijazah, serta kursus-kursus jangka pendek di peringkat sijil berbentuk akademik dan latihan.
Courseware (CW)	Courseware (CW) merujuk kepada bahan e-kandungan yang merangkumi keseluruhan topik di dalam sesebuah kursus.
e-Kandungan	e-Kandungan merujuk kepada sebarang bentuk bahan pengajaran elektronik yang dihasilkan untuk kegunaan pembelajaran atas talian.
Fasilitator MOOC	Fasilitator MOOC adalah pensyarah yang bertindak sebagai pemudahcara aktiviti dan menguruskan segala pertanyaan dan masalah yang dikemukakan oleh pelajar yang menyertai MOOC yang dikendalikan.
Honorarium	Honorarium merujuk kepada insentif kewangan yang diberikan kepada pensyarah mengikut tugas dalam proses pembangunan e-kandungan mengikut kadar yang telah ditetapkan.
